

Dalami pengajian kaji jenayah atas semangat mahu bantu masyarakat

► IRMA KAMARUDIN
irmak@sph.com.sg

PELUANG berinteraksi bersama masyarakat dan membantu mereka menyelesaikan masalah yang dihadapi semasa berkhidmat dengan Pasukan Polis Singapura (SPF) bagi Perkhidmatan Negara (NS), membuat Encik Muhamad Fadzli Mohamed Yusoff jatuh cinta dengan tugas polis.

Justeru, beliau mengambil keputusan terus berkhidmat bersama SPF sejurus selesai menjalani NS.

Namun, staf sarjan berusia 27 tahun yang bertugas di Pusat Polis Kejiranan (NPC) Rochor itu tidak hanya mahu berhenti di situ.

Atas dorongan majikan dan keluarganya, beliau melanjutkan pengajian ke peringkat universiti.

Semalam, beliau antara 38 mahasiswa yang menggenggam ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian dalam jurusan Kriminologi dan Keselamatan daripada Universiti Liverpool (UoL) di Institut Teknologi Singapura (SIT).

Kumpulan pelajar itu merupakan mahasiswa kohort pertama bagi program tersebut yang ditubuhkan SIT dan UoL pada 2013.

“Saya mahu membantu orang dan oleh itu, saya sertai SPF. Ia tugas yang penuh bermakna. Semasa melakukan rondaan, terutamanya apabila kami membantu orang, saya dapat melihat kesannya.

“Semasa melakukan tugas polis dalam masyarakat, kami juga kadangkala pergi ke sekolah dan memberi ceramah dan membawa ka-

nak-kanak tadika mengunjungi balai polis,” kata beliau yang mendapat tajaan di bawah Program Tajaan Kementerian Ehsan Dalam Negeri bagi Sarjana Muda SIT-Liverpool.

Program sarjana muda sepenuh masa selama tiga tahun itu menawarkan pengajian bersepadu dan menyeluruh mengenai teori kriminologi dan metodologi kajian. Ia merangkumi modul seperti perubahan sosial dan dasar sosial dalam masyarakat kontemporari.

Kajian kes setempat turut digunakan bagi melengkapi penuntut dengan pemahaman mendalam mengenai isu jenayah dan keselamatan.

Encik Fadzli berkata ilmu yang diraihnya dalam program itu membuka mindanya supaya berfikir tentang pelbagai perkara daripada perspektif berbeza seperti pembangunan masyarakat dan bagaimana negara lain menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Antara modul yang diminatinya ialah pemenjaraan.

“Kami belajar tentang sejarah pemenjaraan, bagaimana pesalah ditangani sebelum terciptanya sistem penjara. Ia mengajar kami cara memperbaiki sistem dan keadaan penjara,” kata beliau yang berkhidmat dalam pasukan bertindak masyarakat di NPC Rochor.

Dengan ijazah yang digenggamnya kini, Encik Fadzli berharap dapat menyumbang dalam bidang penggubalan dasar pada masa depan.

“Hari ini trend dan dinamik jenayah dan keselamatan berubah-

ubah, terutamanya dengan isu pengesanan dan sebagainya.

“Kita perlu mempunyai dasar baru supaya dapat lebih proaktif. Apa yang saya dapat pelajari ialah cara menilai dasar dan bagaimana dasar memberi impak ke atas masyarakat. Saya berharap dapat membantu dalam bidang ini,” kata beliau.

Seorang lagi graduan yang menerima ijazahnya semalam ialah Encik Mohamad Farhan Mohamad Nor, 25 tahun.

Beliau, yang berharap dapat berkhidmat dalam SPF, mengikuti pengajian dalam program tersebut setelah terdedah kepada pengalaman berkhidmat sebagai polis semasa menjalani NS.

“Semasa saya bertugas di NPC, saya terdedah kepada pelbagai perkara yang mungkin tidak dapat dialami dan dilihat orang biasa.

“Menemui orang baru dan memahami apa yang dilalui mangsa dan pesalah merupakan pengalaman yang membuka minda saya dan membuat saya minat untuk teruskan dalam bidang ini,” kata beliau.

Dengan keadaan dunia yang kini bergelut dengan pelbagai cabaran, termasuk pengesanan, Encik Farhan berkata program kriminologi dan keselamatan adalah penting demi memupuk pemahaman dan pemikiran mendalam mengenai isu sedemikian.

“Isu pengesanan antara keutamaan di Singapura hari ini. Pengetahuan yang kami raih akan dapat membantu memperkukuh asas pemahaman kami tentang pengesanan, sekali gus membolehkan kami memanfaatkan pengetahuan itu dalam pekerjaan,” kata beliau.



TERIMA IJAZAH:
Encik Muhamad Fadzli Mohamed Yusoff (*kiri*) dan Encik Mohamad Farhan Mohamad Nor antara graduan dalam kohort pertama program Kriminologi dan Keselamatan daripada Universiti Liverpool di SIT yang menerima ijazah sarjana muda mereka semalam. – Foto TUKIMAN WARJI